

|            |                          |             |                    |
|------------|--------------------------|-------------|--------------------|
| Headline   | Sarawak B kecundang lagi |             |                    |
| MediaTitle | Mingguan Sarawak         |             |                    |
| Date       | 06 Apr 2014              | Color       | Black/white        |
| Section    | Tempatan                 | Circulation | 37,981             |
| Page No    | L-13                     | Readership  | 113,943            |
| Language   | Malay                    | ArticleSize | 85 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                      | AdValue     | RM 193             |
| Frequency  | Daily (EM)               | PR Value    | RM 580             |



# Sarawak B kecundang lagi

## PIALA PRESIDEN 2014

HASRAT untuk meneruskan kecemerlangan tidak kesampaian buat skuad pelapis Sarawak (Piala Presiden) apabila tewas dengan jaringan 2-1 di tangan Perlis di Stadium Mini UiTM Arau Khamis lalu.

Kegagalan ketua pasukan, Shreen Tambi menyempurnakan sepak penalti dilihat sedikit

sebanyak memberi tekanan barisan kendalian jurulatih dari Sbaha, Johnny Dominicus untuk sekurang-kurangnya berkongsi satu mata.

"Kita gagal meneruskan kecemerlangan ke atas Perlis yang pernah ditewaskan (3-1) ketika aksi di Kuching Februari lalu. Bagaimanapun, saya percaya jika peluang menerusi sepakan penalti ketua pasukan (Shreen Tambi) berjaya mengasikkan gol segalanya akan berubah," kata Johnny.

Gol tunggal Sarawak dijaringkan oleh pemain kelahiran Kampung Segedup, Jalan Batu Kawa iaitu Nor Azizi Ramlee dalam keadaan tuan rumah (Perlis) terdahulu memimpin pentas saingan.

Kini berbaki empat perlawanan dan aksi seterusnya (10 April) skuad Sarawak 'B' ialah menanti kunjungan Negeri Sembilan di Stadium Negeri, Petra Jaya.

Skuad Sarawak 'B' kini kekal dengan sembilan mata hasil dua kemenangan dan tiga kali seri setelah melalui 14 perlawanan.